

Kegagalan dapat kerja punca kerajaan dibenci

UM 20 SEP 2003

KUALA LUMPUR 19 Sept. — Kegagalan lepasan universiti memperoleh pekerjaan berikutan mengambil jurusan yang tidak sesuai dengan pasaran kerja semasa mengakibatkan ada kalangan mereka yang kecewa dan mula membenci kerajaan.

Menteri Penerangan, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, golongan berkenaan yang kebanyakannya mengambil jurusan pengajian Islam kemudiannya bertindak menyertai parti politik tertentu bagi menyuarakan perasaan tidak puas hati mereka.

“Akhirnya mereka yang hampa kerana tidak mendapat pekerjaan disebabkan hanya mengambil pelajaran agama berkumpul sesama mereka lalu ada kecenderungan untuk masuk parti politik tertentu,” katanya.

Beliau menyatakan de-

mikian ketika berucap pada Majlis Malam Penghargaan Media Massa anjuran Universiti Terbuka Malaysia (Unitem) di Hotel Pan Pacific Kuala Lumpur di sini malam ini.

Turut hadir ialah Presiden Unitem, Tan Sri Dr. Abdullah Sanusi Ahmad.

Unitem yang telah beroperasi sejak tiga tahun lalu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir pada Ogos tahun lalu.

Pengajian

Unitem merupakan sebuah universiti swasta khas milik 11 buah institusi pengajian tinggi awam yang mengamalkan konsep pengajian jarak jauh (PJJ).

Universiti itu yang menawarkan pengajian di peringkat diploma, ijazah sarjana muda dan sarjana kini mempunyai seramai 16,000 pelajar dari dalam dan luar negara.

Khalil berkata, jika keadaan itu berlaku masalah kebencian terhadap kerajaan dengan wujud jelas ekoran daripada kegagalan mereka memilih pengajian yang sesuai dengan pasaran pekerjaan semasa.

Beliau berkata, Malaysia memerlukan golongan pelajar lepasan pengajian Islam tetapi tidak perlu terlalu ramai agar golongan itu boleh menceburi bidang lain.

Katanya, ia penting bagi membantu mempercepatkan proses ke arah menjadi negara maju dan sejajar dengan hasrat itu kerajaan menggalakkan lebih banyak penubuhan institusi pengajian tinggi termasuk menerusi aplikasi maya.

“Kita mahu menggalakkan lebih ramai golongan profesional dilahirkan dan pelajar kita tidak hanya tertumpu kepada bidang tertentu seperti pengajian agama sahaja,” katanya.

Beliau berkata, bidang profesional yang pelbagai itu akan membolehkan kesemua lepasan universiti mendapat tempat dalam pasaran kerja semasa dan sekali gus memberi pulangan kepada negara dari segi sumber manusia.

Kira-kira 100 wakil media dan tetamu undangan khas diraikan sebagai tanda penghargaan atas sumbangan yang dimainkan dalam memperkenalkan Unitem kepada masyarakat.

Pada majlis itu juga, Khalil menyampaikan cenderamata kepada wakil media dan cek sumbangan bernilai RM7,000 dari Unitem kepada Penaung Persatuan Suri dan Ahli Wanita Perkhidmatan Awam (Puspanita), Kementerian Penerangan yang juga isteri beliau, Puan Sri Zurina Kassim.